



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN DAN PERASMIAN JALAN BAGI PROJEK
MENAIKTARAF JALAN LINGKARAN TENGAH 2 (MRR2),
PERSIMPANGAN TAMAN MELATI DAN KERJA-KERJA BERKAITAN
SECARA REKA DAN BINA**

DI

PEJABAT TAPAK TERMINAL BERSEPADU GOMBAK, GOMBAK

**PADA 26 OGOS 2020 (RABU)
9.15 PAGI**

SALUTASI

Bismillahir rahmanir rahim,

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

Terima kasih kepada saudara pengacara majlis

Ahli-ahli Yang Berhormat

Dif-dif kehormat

Pegawai-pegawai kanan Jabatan Kerajaan

Rakan-Rakan Media

YBhg. Tan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

PENGHARGAAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya jua, dapat kita semua berhimpun pada pagi ini sempena Majlis Penyerahan Dan Perasmian Jalan Projek Menaiktaraf Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2), Persimpangan Taman Melati, Gombak.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan disini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada YBhg. Tan Sri Mohd Zuki Bin Ali, Ketua Setiausaha Negara diatas Pengurniaan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN) di Istana Melawati, Putrajaya sempena Hari Keputeraan Rasmi Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan kesudian Tan Sri melapangkan masa untuk bersama-sama hadir di Majlis Penyerahan Jalan pada pagi ini.
3. Alhamdulillah pada pagi ini, satu lagi projek yang memberi impak tinggi kepada rakyat telah berjaya disiapkan demi keselesaan pengguna jalan raya. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak Kontraktor Terminal Bersepadu Gombak Sdn. Bhd. (TEGAS) atas kejayaan pihak tuan-puan menyempurnakan Projek Menaiktaraf Jalan MRR2 ini. Terima kasih atas kejayaan ini.

AKSESSIBILITI

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Untuk perkongsian bersama, Projek Menaiktaraf Jalan MRR2 ini telah dilaksanakan secara kontrak Reka dan Bina, di mana, peruntukan projek ini adalah melalui Dana Mudahcara Public Private Partnership (PPP) yang disalurkan oleh Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri dengan Kos Projek sebanyak RM107.59 Juta dan kos projek semasa adalah RM106.83 Juta. Terdapat penjimatan pada projek ini sebanyak RM760 Ribu.
5. Projek ini telah dimulakan dan diberi milik tapak kepada kontraktor pada 13 september 2016 dan telah siap dibina sepenuhnya pada 2 Ogos 2019. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) adalah selama dua (2) tahun sehingga 2 Ogos 2021.
6. Untuk makluman Tan Sri jua, skop kerja yang dilaksanakan ialah kerja-kerja pelebaran jalan dari tiga (3) lorong kepada lima (5) lorong 2 hala mengikut piawaian JKR R5. Projek ini bermula dari Persimpangan Taman Melati ke Persimpangan Plaza Tol Gombak sepanjang 2.5 kilometer 2 hala serta menghubungkan laluan masuk ke hub Terminal Bersepadu Gombak (TBG).

7. Semoga dengan projek menaiktaraf jalan ini dapat memberikan manfaat kepada pengguna Terminal Bersepadu Gombak mahupun pengguna jalan raya. Pasti dengan siapnya projek ini, ia memberikan keselesaan kepada pengguna jalan raya dan membantu mengurangkan kesesakan ke hub Terminal Bersepadu Gombak khususnya dan MRR2 amnya – iaitu laluan menuju ke plaza tol Gombak yang merupakan pintu masuk dan keluar utama Lembah Klang ke kawasan Pantai Timur, terutamanya ketika musim perayaan.
8. Untuk makluman para hadirin sekalian, pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia melalui Agensi Pelaksana Jabatan Kerja Raya (JKR) senantiasa bersedia dan komited dalam melaksanakan apa jua bentuk pembangunan dan infrastruktur yang dipohon oleh mana-mana Kementerian dan Agensi untuk dilaksanakan bagi kemudahan awam, keselesaan dan kesejahteraan rakyat.

PENUTUP

Hadirin yang dikasihi sekalian,

9. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Bahagian Pengurusan hartanah (BPH), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri (JPM) serta Jabatan Kerja Raya (JKR) dan pihak Kontraktor Terminal Bersepadu Gombak Sdn. Bhd. Serta Agensi lain yang terlibat secara langsung bagi menyempurnakan Projek Menaiktaraf Jalan MRR2 ini.

10. Dengan lafaz Bismillahir rahmanir rahim, dengan ini saya merasmikan
**MAJLIS PENYERAHAN DAN PERASMIAN PROJEK MENAIKTARAF
JALAN LINGKARAN TENGAH 2 (MRR2), PERSIMPANGAN TAMAN
MELATI, GOMBAK**

11. Sekian, Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh